

18/01/2003

Kelas fardu ain diteruskan seperti biasa

Mokhtar Alias

REMBAU: Semua kelas fardu ain akan terus diadakan untuk membolehkan pelajar Islam mendalami agama selepas waktu persekolahan biasa.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata kelas berkenaan tidak tertakluk di bawah arahan yang meminta pelajar Sekolah Agama Rakyat (SAR) dipindahkan ke sekolah kerajaan.

Beliau berkata ada kekeliruan yang timbul apabila pihak tertentu cuba memesonkan isu sebenar berhubung perkara itu yang menuduh kerajaan tidak membangunkan perkembangan agama Islam.

"Saya memberi jaminan semua kelas fardu ain yang diadakan di masjid, surau dan sekolah akan diteruskan seperti biasa kerana ia sangat penting untuk pelajar," katanya pada majlis perasmian Balai Raya Sungai Layang, dekat sini, petang kelmarin.

Mohd Isa berkata dalam mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya, baru-baru ini, perkara ini turut dibangkitkan.

Beliau berkata kerajaan sedang mencari jalan untuk mempertingkatkan lagi kelas fardu ain di seluruh negara.

"Ada kemungkinan kita akan mengambil sistem pengajaran fardu ain di Johor untuk dilaksanakan di semua negeri tetapi ini masih di peringkat perbincangan dan kajian.

"Sehingga itu, semua kelas fardu ain akan berjalan seperti biasa," kata Mohd Isa.

Beliau berkata tindakan kerajaan mengarahkan pelajar SAR berpindah ke sekolah kerajaan untuk membolehkan mereka dapat menikmati pembelajaran yang lebih baik dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan.

Menurutnya, bagi negeri ini ia tidak menjadi masalah kerana ada sekitar lima SAR dan kebanyakan daripada pelajar sudah mematuhi arahan yang dikeluarkan.

Malahan, kata beliau, daripada laporan setakat ini semakin ramai ibu bapa mahukan anak mereka dipindahkan, termasuk mereka yang menjadi pembangkang.

"Kita hanya meminta rakyat supaya tidak mudah dipesongkan oleh segelintir pihak yang sengaja mahu mencari kesalahan kerajaan tanpa memikirkan kesannya terhadap pihak lain," katanya.